

04 FEB 2002

ABDULLAH-PENGGABUNGAN

TIADA RANCANGAN UTK ADAKAN 11 BANK PENERAJU

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata tiada lagi rancangan untuk mengadakan 11 bank peneraju dalam penggabungan bank-bank Malaysia.

"Kita tidak sampai kepada peringkat itu. Biarlah kita tengok dulu bagaimana rancangan pada waktu ini, bagaimana pengukuhan (bank) ini dapat dijayakan," beliau berkata kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa teknikal Barisan Nasional di sini.

Abdullah, yang kini memangku jawatan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan, telah ditanya sama ada akan terdapat 11 bank peneraju selepas proses penggabungan bank-bank selesai.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengatakan hanya akan ada 10 bank peneraju sahaja di Malaysia dan tidak lebih daripada itu.

Pada ketika ini, 10 buah bank telahpun mencapai status bank peneraju dan dalam proses penggabungan bank-bank, kecuali Bank Utama Bhd sahaja yang masih belum bergabung dengan mana-mana bank teras.

Bank Utama telah diberi masa enam bulan untuk berbuat demikian dan ketika ini masih dalam perundingan dengan RHB Bank.

Sementara itu, Abdullah juga ditanya mengenai penggabungan sektor telekomunikasi yang mungkin akan menyaksikan gabungan berakhir dengan tiga syarikat tunggal.

Beliau berkata penggabungan tersebut adalah sesuatu yang penting dan wajar untuk mengukuhkan lagi sektor telekomunikasi.

Bagaimanapun katanya, terserah kepada syarikat-syarikat yang terlibat untuk berunding sesama mereka dan bermuafakat tentang cara dan bagaimana mereka boleh mencapai pengukuhan ini.

Ditanya mengapa proses ini mengambil masa yang sangat lama, beliau berkata "secara perbandingannya, langkah ini diperkenalkan belum begitu lama dan adalah kemudian daripada pengukuhan perbankan".

Selain daripada itu, syarikat-syarikat telekomunikasi juga tidak sebanyak bank, jelas Abdullah. -- BERNAMA

SHO AA